

Pelajar perubatan juara hafazan

Seremban: Kesibukan sebagai pelajar perubatan tidak menghalang Norzuhairah Rusmani, 25, menghafaz al-Quran sehingga muncul juara buat kali ketiga pada Majlis Menghafaz al-Quran peringkat negeri, tahun ini.

Penuntut tahun tiga Universiti Sains Islam Malaysia (USIM) yang muncul juara pada 2009 dan 2011, mula menghafaz al-Quran sejak di sekolah menengah dan meneruskan hafazan walaupun sibuk dengan pengajian perubatan.

Kejayaan kali ini lebih bermakna kerana diiringi suami, Haffiz Mohd Zainuddin, 29, dan anak sulung berusia setahun.

Dia yang memenangi kategori perempuan satu hingga 30 juzuk, berkata antara rahsia kejayaannya ialah memanfaatkan setiap masa yang ada.

"Saya tiada resipi khusus untuk menghafaz al Quran, tetapi sentiasa menjaga makanan dengan tidak memilih makanan segera seperti mi dan makanan masam.

Guna masa lapang

"Selain itu, tiada waktu khas untuk menghafaz. Saya menggunakan setiap masa lapang sama ada di rumah atau ketika memandu kereta dengan memasang dan mendengar bacaan al-Quran menerusi cakera padat (CD)," katanya.

Norzuhairah ditemui selepas menerima hadiah daripada Yang di-Pertuan Besar Negeri Sembilan, Tuanku Muhriz Tuanku Munawir di Pusat Dakwah Islamiah Paroi di sini, malam kelmarin.

Turut berangkat mencemar duli, Tunku Ampuan Besar Negeri Sembilan, Tuanku Aishah Rohani Tengku Besar Mahmud.

Menteri Besar, Datuk Seri Mohamad Hasan dan Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri, Datuk Dr Awaluddin Said, hadir sama.

Pemenang kategori perempuan satu hingga 10 juzuk, Fatin Izzaty Fahmi, 16, dari Maktab Rendah Sains Mara (MRSM) Gemencheh, berkata kemenangan kali ini menebus dua keagalannya terdahulu.

"Saya bersyukur kerana menjadi juara dalam penyertaan kali ketiga. Kejayaan ini membakar semangat untuk menghafaz hingga 30 juzuk," katanya.

Pemenang kategori lelaki satu hingga 30 juzuk, Mohamad Omar Mansu, 19, berkata pengajiannya di madrasah di Pulau Pinang banyak membantunya menghafaz al-Quran.

Berasal dari Port Dickson, katanya, minat menghafaz al Quran bermula sejak di bangku sekolah rendah serta hasil sokongan keluarga.

"Menghafaz al-Quran memerlukan disiplin dan ketekunan. Saya berharap dapat melakukan yang terbaik apabila bertanding pada peringkat kebangsaan," katanya.



Norzuhairah (kanan) dan Mohammad Omar (tengah), **pemenang kategori perempuan dan lelaki Majlis Menghafaz al-Quran** Peringkat Negeri Sembilan 2014. [FOTO MOHD AMIN JALIL/BH]